

Latihan 4(i)

Padankan maklumat yang betul tentang teks Anugerah Alam yang terdapat di m/s 111 Buku Teks BM Tingkatan 1

- Air Terjun Sungai Chiling satu jam dan menyeberang 5 jeram.
- Tempoh perjalanan dari pintu masuk di Kuala Kubu Bharu.
- Air terjun ini letaknya merupakan Empangan Sungai Selangor.
- Tasik yang sangat luas itu tidak berubah-ubah, kekal, atau tetap.
- Kawasan Sungai Chiling juga dikenali ciri atau sifat istimewa.
- Makna lain perkataan aset mempunyai 3 tingkat.
- Makna kelestarian Santuari Ikan Kelah.

Baca bahan ini sebelum menjawab Latihan 4(ii)

Sihat sambil Melancong

AKTIVITI
Hasilkan karangan berdasarkan maklumat yang terdapat dalam bahan yang diberikan.

Pelancongan kesihatan bermaksud aktiviti individu atau pesakit yang melancong ke negara lain untuk mendapatkan rawatan atau perkhidmatan kesihatan. Antara negara yang terkenal dengan pelancongan kesihatan ialah China, Hong Kong, India, New Zealand, Pakistan, Singapura, Korea Selatan, Thailand termasuklah Malaysia.



- Berkembang di Asia
- Antara yang terbaik di dunia
- Bilangan pelancong meningkat
- Banyak faktor pemangkin

- 1
- 2
- 3

- Kos perubatan yang berpatutan
- Kemudahan yang moden
- Doktor dan jururawat bertauliah
- Persekitaran hospital yang kondusif
- Kemudahan penginapan
- Hab halal global
- Produk dan ubatan yang dijamin berkualiti

- Meyakinkan pelancong
- Pemacu utama ekonomi negara

Latihan 4(ii)

Lengkapkan **perenggan isi karangan** di bawah dengan pilihan frasa atau ayat yang sesuai. (Baca bahan m/s 10 dalam Modul)

Kos rawatan yang jauh lebih murah berbanding di negara lain serta kualiti perkhidmatan

Terdapat banyak faktor pemangkin yang memainkan peranan dalam melonjakkan industri pelancongan kesihatan ini.

Sekaligus menjadikan sektor ini sebagai pamacu utama ekonomi negara.

Pelancongan kesihatan semakin berkembang di Asia sejak kebelakangan ini

_____. Kredibiliti Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi industri pelancongan kesihatan sudah tidak disangkal lagi. Perkhidmatan kesihatan terbaik dengan harga berpatutan menjadikan Malaysia antara destinasi pelancongan kesihatan terbaik dunia. Jumlah pelancong yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan di Malaysia kini semakin meningkat dari tahun ke tahun. _____

_____ penjagaan yang bertaraf antarabangsa menjadi tarikan utama pesakit untuk mendapatkan rawatan di Malaysia. Selain itu juga, sebilangan besar doktor pakar di Malaysia mendapatkan pendidikan di universiti-universiti terkemuka di United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia, New Zealand, Mesir serta India yang sememangnya terkenal dalam bidang perubatan. Malaysia juga disebut sebagai antara hab rawatan kesihatan terbaik di dunia dengan bayaran kos rawatan antara yang terendah. Ini ditambahkan dengan kemudahan penginapan yang sangat berpatutan.

Malaysia mempunyai ekosistem dan infrastruktur untuk membekalkan sistem dan perkhidmatan perubatan berkualiti yang mampu bertanding secara global dan hal ini dapat meyakinkan pelancong. Kerajaan telah mula menitikberatkan pelancongan perubatan sebagai salah satu cara diversifikasi ekonomi dalam industri kesihatan dan pelancongan. _____.